

Harga baru kit ujian sendiri diumumkan minggu depan

KUALA LUMPUR - [DIKEMASKINI] Pengurangan harga siling kit ujian sendiri Covid-19 akan diumumkan minggu depan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

“Jika sebelum ini saya pernah katakan ia akan dikurangkan pada Disember, berita baiknya kita tidak perlu tunggu sampai Disember, kita boleh turunkan November ini, jadi saya akan umumkan minggu depan,” katanya pada sidang akhbar di Bangunan Parlimen selepas pembentangan Bajet 2022 di sini pada Jumaat.

Nanta berkata, penetapan pengurangan harga bakal diumumkan nanti mengambil kira kepentingan rakyat dan semua pihak terlibat setelah melalui libat urus dengan pihak berkaitan.

September lepas Kementerian itu menetapkan harga borong dan runcit maksimum Kit Ujian Pantas (RTK) Antigen Covid-19 masing-masing pada harga RM16 dan RM19.90.

Beliau berkata, KPDNHEP setakat ini meluluskan 2,500 premis atau syarikat untuk menjual kit ujian sendiri itu bagi memudahkan pengguna mendapatkannya dan pihaknya juga mengalu-alukan lebih banyak syarikat dan premis yang berminat menjual kit itu supaya tampil memohon kepada Kementerian.

Sementara itu, mengulas mengenai Bajet 2022, Nanta berkata, peruntukan RM1.15 bilion diperoleh Kementerian adalah sama seperti tahun lepas yang antaranya akan digunakan untuk melaksanakan program food stamps (bantuan bakul makanan) kepada golongan sasar terkesan.

“Kita akan bekerjasama dengan DOSM (Jabatan Perangkaan Malaysia) untuk mengesan mereka yang benar-benar memerlukan bantuan,” katanya.

Beliau berkata, selain itu turut diberi perhatian ialah peruntukan RM200 juta untuk melaksanakan 'community drumming' iaitu bagi membantu pengurangan harga barang keperluan bagi penduduk di kawasan pedalaman dan pulau-pulau.

Di samping itu, peruntukan kepada pemerksaan program francais dan e-dagang akan diberi perhatian.

Bajet 2022 dibentang pada Jumaat dengan nilai peruntukan tertinggi dalam sejarah berjumlah RM332.1 bilion untuk menyedia dan merancang pelbagai strategi serta inisiatif bagi mensejahterakan rakyat dan membangunkan ekonomi makmur serta mampan.

Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ketika membentangkan Bajet 2022 di Dewan Rakyat pada Jumaat berkata, bajet mengembang itu mengambil aspirasi konsep Keluarga Malaysia dan turut diujarkan kepada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) agar rakyat kembali makmur dalam norma baharu akibat pandemik Covid-19. - Bernama

<https://www.sinarharian.com.my/article/169546/KHAS/Covid-19/Harga-baru-kit-ujian-kendiri-diumum-minggu-depan>